

22/10/1998

GBC sokong langkah tangani ekonomi

PERSATUAN Kontraktor Bumiputera (GBC) memberi sokongan penuh terhadap langkah yang dilaksanakan kerajaan untuk menangani isu semasa dan masalah ekonomi negara termasuk kawalan tukaran asing yang dikuatkuasakan sejak 1 September lalu.

GBC, badan induk bagi 270 syarikat kontraktor Bumiputera di bawah Program Pembangunan Kontraktor Binaan Berwibawa, berkata pernyataan itu adalah tanda sokongan padunya terhadap kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada mesyuarat lembaga pengarahnya di Kuala Lumpur semalam, GBC berkata, langkah kawalan tukaran asing yang dilaksanakan mampu menstabilkan kedudukan mata wang negara bagi membolehkan tumpuan dibuat terhadap usaha merangsang ekonomi domestik.

"GBC percaya langkah kerajaan menangani kegawatan ekonomi semasa akan membuahkan hasil bagi membolehkan pemulihan yang lebih cepat," kata pengerusinya, Azlan Awang.

Mesyuarat khas semalam dihadiri semua wakil kontraktor wibawa dari seluruh negara.

(END)